

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perhimpunan Umno ditunda

KUALA LUMPUR, Selasa — Perhimpunan Agung UMNO yang dijadualkan tiga hari mulai 18 Jun depan telah ditangguhkan sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak.

Penangguhan itu atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga presiden parti, kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar kepada Bernama hari ini.

Datuk Mustafa menghantar telegram semalam kepada semua 114 Bahagian UMNO di seluruh negara memberitahu penangguhan tersebut.

Persiapan

Dalam telegram yang sama, bahagian-bahagian juga telah diminta menangguhkan semua mesyuarat perwakilan mereka serta mesyuarat-mesyuarat bahagian Pemuda dan Wanita.

Datuk Seri Dr. Mahathir, selepas mempengerusikan buat pertama kali sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional dua hari lalu, telah mengarahkan semua mesyuarat perwakilan bahagian UMNO ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Beliau menjelaskan, penangguhan itu untuk membolehkan semua ahli UMNO menumpukan seluruh perhatian terhadap persiapan mengadakan pilihanraya umum.